

SERTU DAN SAMAK

KAEDAH DAN KESAN DALAM INDUSTRI

FAHRUR ROZI BIN JALALUDDIN
Pengarah Eksekutif, IHRAM

Latar Belakang

- Islam adalah agama yang mementingkan aspek kebersihan. Bukan sahaja jasmani, bahkan rohani.
- Islam mengajar bahawa Allah Azza wa Jalla hanya menerima apa yang baik, suci dan bersih. Lebih-lebih lagi dalam soal ibadah.
- Justeru, Islam menggariskan kaedah yang khusus dalam bab Taharah (kebersihan).

- Ini mustahak bagi memastikan ibadah yang dilakukan diterima di sisi Allah Taala.
- Setiap dari kita wajib mempelajari dan mengamalkan konsep kebersihan dan kesucian di dalam Islam.

SAMAK

1. Takrif Samak

- Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), Dewan Bahasa dan Pustaka, samak didefinisikan sebagai: Zat yang digunakan utk memasak serta mewarnai kulit binatang: kulit ~ kulit yang sudah dimasak dan diwarnai. menyamak 1 memasak kulit supaya lembut dan berwarna.

[Kamus Pelajar Edisi Kedua]

- “Tanning” (tanning is the process of treating skins and hides of animals to produce leather. A tannery is the place where the skins are processed).

2. Tujuan dan Hukum

- Tujuan menyamak ialah untuk menyucikan kulit yang najis (bangkai).
- Hukum menyamak kulit adalah harus.
- Menyamak tidak khusus kepada orang Islam sahaja bahkan orang Musyrik juga boleh menyamak asalkan ia mengikut cara yang digariskan oleh Syarak.

3. Dalil Samak

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّمَا إِهَابٍ دُبِغَ فَقَدْ طَهَّرَ

- Sabda Rasulullah s.a.w, “Kulit apapun jika disamak, ianya suci.” [HR At-Tirmizi]

3. Takrif Bangkai

- Takrif dan pengenalan bangkai :
 - a) Binatang yang halal dimakan yang mati tidak disembelih mengikut Syarak.
 - b) Binatang yang haram dimakan yang mati sama ada disembelih atau tidak, tetap ia menjadi bangkai.

- Binatang-binatang yang mati termasuk dalam kategori bangkai:
 - a) Binatang yang disembelih dengan menggunakan tulang.
 - b) Binatang yang disembelih oleh orang Majusi (orang yang menyembah api)
 - c) Sembelihan orang-orang yang berihram (ihram haji atau umrah)

- Binatang yang tidak suci kulitnya walaupun disamak:

a) Babi

b) Anjing

c) Anak yang dilahirkan daripada kacukan di antara anjing dan babi

d) Anak yang dilahirkan daripada kacukan binatang yang halal dengan anjing atau babi.

4. Bahan Sertu

- Bahan yang digunakan untuk menyamak kulit yaitu sesuatu yang tajam rasanya atau kelat seperti tawas, cuka, asam, limau dan sebagainya.
- Sertu cara moden menggunakan bahan kimia dan peluntur bagi mendapat maksud yang sama.

SERTU

1. Takrif Sertu

- Sertu menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah menyucikan mana-mana bahagian badan yang terkena najis *mughallazah* (anjing dan babi) dengan air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali, menyamak.

- Sertu juga bermaksud **menyucikan sesuatu daripada najis *mughallazah* iaitu anjing, babi dan keturunannya. Najis *mughallazah* hendaklah disuci** dengan **membasuhnya menggunakan satu (1) kali dengan air bercampur tanah dan diikuti enam (6) kali dengan air bersih/mutlak.**

2. Tafsiran

- Bagi tujuan garis panduan ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
 - a) **Najis mughallazah**; semua perkara yang bersumber dari anjing atau babi atau keturunan dari keduanya sama ada berupa jilatan, air liur, daging, lemak, tulang atau apa-apa 'extract' daripada keduanya adalah dianggap sebagai *najis mughallazah (najis berat)*.

- b) Air mutlak;** air suci yang tidak dicemari oleh sesuatu yang najis sehingga mengubah bau, rasa dan warna air tersebut.
- c) *Ain al-najasat*;** najis yang boleh dilihat dengan mata iaitu zat najis tersebut.

- **d) Sertu** membasuh najis mughallazah dengan tujuh (7) kali air bersih di mana salah satunya dengan air yang bercampur tanah. Sebaik- baiknya air yang pertama dicampur dengan tanah kemudian diikuti dengan enam (6) kali basuhan menggunakan air mutlak yang lain.

3. Dalil Sertu

- Dalam sebuah riwayat daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

طَهُورٌ إِنَاءٍ إِذَا أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَغَ فِيهِ الْكَلْبُ، أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْ لَاهُنَّ بِالتُّرَابِ

- “Sucinya bekas salah seorang dari kamu apabila seekor anjing menjilat padanya (bekas tersebut) adalah dengan cara kamu membasuhnya sebanyak tujuh kali, dan basuhan pertama bercampur dengan tanah.” [HR Muslim]

- Begitu juga berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W:

إِذَا شَرِبَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ فَلْيَغْسِلْهُ سَبْعًا

“Apabila seekor anjing minum di dalam bekas salah seorang kami maka hendaklah kamu membasuhnya sebanyak tujuh kali basuhan.” [HR Al-Bukhari]

إِذَا وَلَعَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ فَلْيَغْسِلْهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ ، أَحْسَبُهُ قَالَ: إِحْدَاهُنَّ بِالتُّرَابِ

“Apabila anjing meminum pada bekas salah seorang daripada kamu, maka kamu basuhlah ia (bekas) sebanyak tujuh kali”. Cukup baginya: “Salah satu daripadanya (basuhan) dengan tanah”. [HR Al-Bazzar]

- Daripada Ali RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِذَا وَلَغَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ فَلْيَغْسِلْهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ إِخْدَاهُنَّ بِالْبَطْحَاءِ

“Apabila anjing meminum pada bekas salah seorang daripada kamu, maka kamu basuhlah ia (bekas) sebanyak tujuh kali, salah satu daripadanya tanah yang rata”. [HR Daruqutni]

4. Spesifikasi Tanah

- Dalam kaedah sertu ini, tanah yang digunakan mestilah :
 - a) Tidak mengandungi unsur najis.
 - b) Bebas daripada sebarang kekotoran seperti minyak dan sebagainya.
 - c) Bukan tanah yang telah digunakan untuk tayammum (musta'mal).

5. Spesifikasi Air

- Air yang digunakan dalam kaedah sertu mestilah :
 - a) Air bersih/suci (air mutlak).
 - b) Bukan air musta'mal (air yang telah digunakan).
 - c) Air yang tidak tercemar dengan sebarang unsur najis.

6. Pengecualian Sertu

- Sertu tidak boleh dilakukan pada anggota dalaman seseorang manusia yang hidup. Seumpama seorang yang termakan sesuatu dari sumber najis *mughallazah* maka dia tidak perlu melakukan sertu dengan meminum air bercampur tanah. Begitu juga tidak perlu bagi seorang yang memeluk Islam untuk sertu segala anggotanya yang pernah tersentuh dengan najis *mughallazah* sebelum keislamannya.

7. Cara Melakukan Sertu Mengikuti Syarak

- Terdapat dua cara melakukan sertu mengikuti syarak iaitu:
 - a) Cara sertu dengan menggunakan tanah.
 - b) Cara sertu dengan menggunakan sabun tanah liat.

8. Cara Sertu Premis Dan Barang Gunaan Dengan Menggunakan Tanah.

- Apabila sesuatu yang suci terkena najis mughallazah dalam keadaan basah maka wajib disertu untuk menyucikannya kembali sebagaimana langkah-langkah berikut:

a) Langkah pertama ialah menghilangkan segala air najasat yang ada terlebih dahulu sehingga bersih dan tidak kelihatan air najasat itu lagi dengan mata kasar.

b) Menyediakan air secukupnya dengan mencampurkan sedikit tanah ke dalamnya sehingga tanah tersebut mengubah warna air mutlak menjadi warna tanah dan meratakan sebatian tersebut.

c) Membasuh tempat atau objek yang terkena najis mughallazah dengan air bercampur tanah tersebut sehingga meratai tempat yang dikehendaki sebagai basuhan pertama.

d) Selepas selesai basuhan pertama, maka hendaklah dibasuh tempat atau objek berkenaan dengan mengulangi proses yang sama sebanyak enam kali lagi menggunakan air mutlak sehingga selesai tujuh basuhan kesemuanya.

8. Cara Penyediaan Tanah

- Tanah yang hendak digunakan untuk suatu mestilah tanah yang suci yang tidak mengandungi unsur najis, bebas daripada sebarang kotoran seperti minyak dan bukan tanah yang telah digunakan untuk tayammum (musta'mal). Antara cara penyediaan tanah yang baik adalah seperti berikut :

- a) Tanah yang baik digunakan adalah tanah liat seperti tanah untuk membuat barangan tembikar, yang diambil sekurang-kurangnya 4 meter dibawah paras bumi.

- b) Tanah tersebut hendaklah dijemur kering, dihancurkan sehingga menjadi debu dan dipastikan tidak tercemar dengan sesuatu najis.

- c) Debu yang terkumpul itu dijadikan sebagai bahan utama untuk proses sertu yang hendak dilaksanakan.

- d) Walau bagaimanapun, sekiranya sukar mendapatkan tanah yang baik, maka cukup sekadar menggunakan mana-mana bahagian tanah yang diyakini suci dan bersih sahaja.

9. Cara Sertu Dengan Menggunakan Sabun Tanah Liat

- Semua industri, premis, peralatan, pakaian, pengangkutan, anggota badan manusia dan sebagainya yang terkena najis mughallazah harus menggunakan sabun tanah liat untuk digunakan sebagai pengganti tanah dalam proses sertu sepertimana yang telah dipersetujui oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-76 pada 21-23 November 2006 seperti berikut:

- “Sabun yang mengandung unsur tanah liat boleh digunakan untuk melakukan samak najis mughallazah dengan syarat tanah tersebut suci dan peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain serta kaedah samak tersebut dilakukan mengikut syarak.”



10. Cara Menggunakan Sabun Tanah Liat

- a) Sediakan air bersih yang mencukupi dan sabun tanah liat.
- b) Campurkan sabun tanah liat ke dalam air bersih dengan memastikan sabun dihancurkan.
- c) Air telah sedia untuk digunakan bagi proses sertu.

- d) Alirkan air sabun tanah liat pada alatan yang hendak disertu untuk menghilangkan najis yang sedia ada bagi memulakan proses sertu.

- e) Selepas itu, bersihkan alatan tersebut dengan air mutlak/bersih sebanyak enam (6) kali.

11. Kaedah sertu juga dilakukan pada keadaan-keadaan berikut:

- a) Pihak syarikat telah membeli mesin terpakai dan diyakini penggunaannya terdahulu telah tercemar dengan najis mughallazah.
- b) Perubahan proses pengeluaran dari produk non halal ke produk halal yang melibatkan penggunaan mesin yang sama.
- c) Tempat penyimpanan produk non halal ditukar untuk penyimpanan produk halal (sejuk beku dan sejuk dingin).

- d) Kediaman yang dibeli daripada non muslim dan diyakini status kebersihan dan kesuciannya tercemar dengan najis mughallazah.
- e) Pengangkutan yang telah membawa produk non halal dan hendak ditukarkan untuk membawa produk halal.
- f) Pakaian dan sebagainya yang terkena najis mughallazah.

12. Proses sertu perlu dipantau dan disahkan oleh JAIN di sesebuah kilang, premis, hotel dan sebagainya.

- a) Ahli Jawatankuasa Halal syarikat perlu memastikan perkara yang berkaitan dengan pertukaran/perubahan proses pengeluaran atau penyimpanan dari produk non halal ke produk halal tidak berlaku pada masa depan.

- b) Eksekutif Halal/Syariah mesti menghubungi JAIN atau JAKIM sekiranya terdapat isu-isu berkaitan halal terutamanya yang melibatkan proses sertu.
- c) Pihak syarikat perlu mengemukakan surat permohonan sertu kepada pihak JAIN sekiranya diperlukan.

- d) JK Halal Dalaman perlu melantik hanya pekerja Muslim sahaja yang akan melakukan sertu.
- e) Pegawai JAIN perlu memantau dan mengesahkan proses sertu dilakukan dengan betul mengikut syarak.
- f) Surat rasmi pengesahan sertu perlu dikeluarkan oleh pihak JAIN kepada syarikat berkenaan.

Kesan Dalam Industri

- Meningkatkan kredibiliti sesebuah syarikat.
- Mengambil sikap tanggungjawab demi kebajikan pengguna Islam yang menjadi kelompok terbesar negara.
- Pengguna tidak meragui status halal dan membina keyakinan yang tinggi kepada sesuatu produk/jenama.
- Pihak industri menjadi sangat berhati-hati dan mengetatkan sistem kawalan halal dalaman.

Contoh Kes

- Ramly Burger (2010)
- Puratos (2011)
- SimplySiti (2012)
- Ikan Patin Lombong Perak (2013)
- Cadbury (2014)